

# PM sifatkan peniaga kecil, penjaja jadi nadi utama ekonomi negara

Kumpulan menyumbang RM652.4b kepada KDNK tahun lalu, wujudkan 8.1 juta peluang kerja

**Temerloh:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan, kumpulan peniaga kecil dan penjaja negara ini memainkan peranan penting dengan sumbangan RM652.4 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dalam Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) tahun lalu.

Perdana Menteri berkata, dalam tempoh sama, peniaga kecil dan penjaja negara ini berjaya mewujudkan 8.1 juta peluang pekerjaan.

Katanya, kumpulan itu kini menjadi nadi utama ekonomi negara dan wira rakyat yang sentiasa menyumbang kepada pembangunan negara seperti di zahirkan menerusi penganjuran Hari Penjaja dan Peniaga Kecil Peringkat Kebangsaan 2025 (HPPK 2025).

“Sesungguhnya penganjuran HPPK ini pengiktirafan penting kerajaan terhadap sumbangan komuniti penjaja dan peniaga kecil yang menjadi tulang belakang serta nadi kepada Ekonomi MADANI.

“Mereka inilah yang setiap hari berada di barisan hadapan, dari pasar pagi hingga ke pen-

jaja malam, demi memastikan rakyat mendapat makanan dan keperluan harian pada harga berpatutan serta menjadi wajah sebenar semangat niaga negara,” katanya.

Teks ucapan beliau dibacakan Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, ketika mewakili Perdana Menteri merasmikan Hari Penjaja dan Peniaga Kecil Peringkat Kebangsaan 2025 (HPPK 2025) di Lurah Semantan, di sini.

Yang turut hadir, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Datuk Ewon Benedick.

## Perluas penyertaan PMKS

Perdana Menteri berkata, Kerajaan MADANI diketuainya komited memperluas penyertaan PMKS dalam sektor keusahawanan melalui pelbagai program pembiayaan dan pembangunan kapasiti, dengan sasaran menyumbang 50 peratus kepada KDNK menjelang 2030 seperti di-



Wan Rosdy merasmikan Hari Penjaja dan Peniaga Kecil Peringkat Kebangsaan 2025 di Lurah Semantan, Temerloh, semalam. (Foto bernama)

gariskan dalam Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030).

“Dasar Pembangunan Penjaja dan Peniaga Kecil Negara 2030 perlu dijadikan dasar induk serta panduan utama dalam usaha membangunkan komuniti pen-

jaja dan peniaga kecil,” katanya.

Anwar turut mengingatkan agar pelaksanaan dasar dilakukan secara pantas dan berkesan melalui peranan strategik KUSKOP.

Beliau turut menghargai ini-

siatif KUSKOP bersama Bank Rakyat melalui Program Jajahan Rakyat yang memperluas akses digital, memacu perniagaan tanpa tunai serta menyediakan kemudahan perniagaan yang lebih kondusif.

“Inisiatif ini selari dengan agenda Malaysia MADANI, memastikan usahawan mikro tidak ketinggalan dalam arus pendigitalan,” katanya.

Tambah beliau, komitmen kerajaan diteruskan melalui Belanjawan 2026 yang memberi tumpuan terhadap suntikan dana, bantuan pembiayaan serta pengukuhan akses pasaran antarabangsa bagi memperkasa PMKS.

Dalam pada itu, Anwar menyeru rakyat agar menghargai pengorbanan penjaja dan peniaga kecil yang bekerja tanpa mengenal penat lelah, demi kelangsungan ekonomi masyarakat.

## Anwar mohon maaf terpaksa batal lawatan

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim diminta berehat oleh pakar perubatan, selepas mengalami sakit belakang yang menyebabkan pergerakan beliau terbatas.

Nasihat doktor itu mengakibatkan beliau terpaksa membatalkan lawatan kerja ke Pahang semalam.

Menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri, pembatalan saat akhir itu dibuat atas nasihat pasukan perubatan.

Pejabat Perdana Menteri memaklumkan, Perdana Menteri memohon maaf setulusnya,

khususnya kepada rakyat Pahang yang siap sedia menyambut kehadiran beliau.

Perdana Menteri baru tiba di tanah air kelmarin selepas menamatkan lawatan kerja ke Korea Selatan, ketika beliau mengetuai delegasi Malaysia ke Mesyuarat Pemimpin-Pemimpin Ekonomi Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC), Jumaat lalu.

Sebelum itu, Anwar mempengerusikan Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 yang dihadiri pemimpin dunia berpengaruh di ibu negara dari 26 hingga 28 Oktober lalu. BERNAMA